

**NO. SOALAN : 534**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DR. MICHAEL TEO YU KENG  
[ MIRI ]**

**SOALAN :**

**YB. Dr. Michael Teo Yu Keng [ Miri ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk menaik taraf dan mengekalkan keindahan pantai-pantai di Sarawak khususnya di Bandaraya Miri.

**JAWAPAN :**      **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Yang Berhormat,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sentiasa memberi perhatian ke atas pembangunan infrastruktur di destinasi-destinasi pelancongan di seluruh negara.

Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi di dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah diperuntukkan sebanyak RM512,750.00 bagi projek penyelenggaraan telaga minyak tertua di Malaysia di Muzium Petroleum Miri, Sarawak yang melibatkan kerja-kerja baik pulih bangunan utama, kerja-kerja penyelenggaraan elektrik, baik pulih *The Grand Old Lady Tower*, kerja-kerja penyelenggaraan blok kantin, pemasangan pagar keselamatan dan membaikpulih sistem penghawa dingin. Kerja-kerja penyelenggaraan ini telah siap sepenuhnya pada tahun 2010.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke sepuluh (RMKe-10), sebanyak RM35.5 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan projek-perojek pembangunan pelancongan di Negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM5 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan dan menaiktaraf pantai di Negeri Sarawak seperti Projek Pengindahan Pantai Kampung Buntal, Kuching yang bernilai RM4.5 juta dan Menaiktaraf Prasarana Pelancongan di Pantai Kampung Belawai, Mukah yang bernilai RM500 ribu.

Kementerian juga telah diperuntukkan sebanyak RM5 juta bagi Projek Naiktaraf Kemudahan Pelancongan Di Pantai Bungai, Sibuti, Miri,

Sarawak di bawah Peruntukan Khas YAB. Timbalan Perdana Menteri. Projek yang telah mula dilaksanakan pada Mac 2014 ini dijangka siap sepenuhnya pada Jun 2015.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga memohon kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan untuk memastikan projek-projek Kerajaan Persekutuan yang telah siap dibina dan telah diserahkan diselenggara dengan baik secara berjadual untuk memastikan kemudahan tersebut dapat digunakan dan dimanfaatkan oleh para pelancong dan pengunjung secara optimum.

Sekian, terima kasih.